

Headline	Dianggarkan 300,000 rakyat Malaysia dijangkiti HIV AID menjelang 2015		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	13 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	11	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	272 cm <sup>2</sup>
Journalist	JAINUDIN DJIMIN	AdValue	RM 1,350
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,050



# Dianggarkan 300,000 rakyat Malaysia dijangkiti HIV/AID menjelang 2015

OLEH JAINUDIN DJIMIN  
(jainudin@newsabah-times.com.my)

**LABUAN:** Dianggarkan seramai 300,000 warga Malaysia akan dijangkiti HIV/AIDS menjelang tahun 2015 sekiranya program-program pencegahan dan kawalan tidak dilaksanakan secara komprehensif demikian diberitahu oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Dr Haji Zaini Hussin.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan sambutan Hari Aids Sedunia peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, di Ujana Kewangan, di sini pada Rabu.

“Walaupun kadar kes HIV menunjukkan penurunan ketara sejak tahun 2003, namun wabak HIV/AIDS perlu dibendung dengan seberapa segera serta diberi keutamaan secara menyeluruh oleh semua pihak, samada oleh pihak kerajaan, badan-badan bukan kerajaan

(NGO), pemimpin politik, pemimpin agama dan juga rakyat Malaysia sendiri” katanya.

Hadir sama, Pengerusi Panel Panasihat Kesihatan Negeri, Haji Mustapha Tangkim dan pengerusi-pengerusi persatuan NGO’s termasuk dari HAWA, Persatuan Ibu Tunggal dan Pusanita.

Zaini berkata sejak 1986 sehinggalah September 2013 jumlah kes jangkitan HIV yang dilaporkan di negara ini mencecah 100,843 kes dan daripada jumlah tersebut seramai 19,979 (19.8 peratus) adalah pesakit AIDS, manakala 16,165 (16 peratus) pula adalah kes yang membabitkan kematian berkaitan HIV dan AIDS.

Sementara itu, kes HIV baharu yang dilaporkan tertinggi berlaku pada tahun 2002 iaitu seramai 6,978 kes atau 28.5 peratus bagi setiap 100,000

penduduk.

“Kerajaan telah pun membuat sasaran untuk mengurangkan kejadian kes-kes baharu HIV pada kadar 11 kes bagi setiap 100,000 penduduk menjelang tahun 2015. Bagaimanapun bagi mencapai sasaran itu Kementerian Kesihatan telahpun mengambil langkah awal bermula tahun 2003 lagi” katanya.

Beliau berkata, hasil daripada langkah tersebut jumlah kes HIV mula menurun kepada 6,756 kes dan pada tahun 2012, dan hanya seramai 3,438 kes baharu HIV telah dikesan dengan kadar 11.7 bagi setiap 100,000 penduduk.

Manakala bagi sembilan bulan pertama tahun ini, hanya 2,564 kes jangkitan HIV baharu telah dilaporkan. Jika dibuat unjuran, bilangan kes HIV bagi tahun ini adalah seramai 3,419

kes atau 11.5 bagi setiap

100,000 penduduk dan berkeungkinan besar sasaran bagi tahun 2015 dapat dicapai lebih awal.

Sementara itu katanya, 80 peratus mangsa HIV/AIDS adalah mereka yang berumur antara 20 hingga 39 tahun dan 90 peratus daripada mereka adalah golongan lelaki.

Dalam pada itu ujaranya, kajian yang dibuat oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan 80 peratus jangkitan HIV adalah hasil daripada suntikan dan hubungan seks oleh penagih dadah samada ia dilakukan dengan isteri atau teman wanita.

Beliau turut menjelaskan, sehingga ke hari ini, dunia masih belum menemui vaksin yang boleh mencegah jangkitan HIV dan ubat yang boleh menyembuhkan pesakit AIDS.



PENGHARGAAN ... Zaini (dua dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada Mustapha sebagai tanda penghargaan atas sokongan menjayakan program itu.